

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HMT 229 – Linguistik Sejarah dan Perbandingan
Bahasa Austronesia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan di dalam **TIGA [3]** halaman.

Soalan nombor 1 [a], [b] dan [c] **WAJIB** dijawab. Jawab mana-mana **TIGA [3]** soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 5 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A: Soalan **WAJIB** dijawab.

1. Soalan 1 [a], [b] dan [c] menggunakan data perbandingan enam bahasa Austronesia yang berikut:

Bil.	Bahasa Austronesia purba	Bahasa Jawa	Bahasa Malagasi	Bahasa Melayu	Bahasa Madura	Bahasa Tagalog	Bahasa Bisaya
1)	*duva	(lo)ro	rua	dua	duwah	(do)lua	doha
2)	*darah / *Darah	rah	ra	darah	doro	dugo	dogo
3)	*dungar	rungu	-	dungar	-	dingig	dongog
4)	*u(n)dang	urang	urana	udang	odong	olang	olang
5)	*tidur / *tudur	turu	tori	tidur	tedung	tulog	tolog

Sumber: Dipetik secara rambang daripada Mees C.A. (1965)

- [a] Terdapat perkataan dalam bahasa tertentu tiada padannya dalam bahasa lain dan diberi tanda sempang dalam data di atas. Mengapakah hal ini berlaku? Ramalkan kosa kata berkognat yang sepatutnya muncul di tempat yang bertanda sempang dalam data di atas.

[15 markah]

- [b] Tentukan semua kesepadan bunyi dan perangkat kesepadan bunyi vokal dan konsonan dalam keenam-enam bahasa di atas.

[20 markah]

- [c] Kenal pasti perubahan yang berlaku terhadap fonem proto */d/ di semua kedudukan dalam bahasa-bahasa turunan.

[5 markah]

Bahagian B: Jawab mana-mana **TIGA [3]** soalan berikut.

2. Jawab soalan [a] dan [b] yang berikut:

- [a] Kita tidak dapat menyaksikan mekanisme perubahan bunyi pada masa silam. Namun begitu, secara analogi ke belakang, pola-pola perubahan yang berlaku sekarang, berlaku juga pada masa dahulu. Dalam kes bahasa-bahasa Austronesia, terangkan bentuk mekanisme pola-pola perubahan ini dengan menyertakan contohnya sekali.

- [b] Ciri-ciri distingtif merupakan aspek utama yang menyumbang kepada perubahan bunyi. Berdasarkan atur rumus (teori linear) jelaskan perubahan bunyi dialek-dialek berikut:

- [i] Penghilangan ciri [+nasal] bagi perkataan /tuhan/ → /tuhat/ dalam dialek Urak Lawoi.
- [ii] Proses pendiftongan bagi perkataan /tikus/ → /tikuh/ → [tikujh] dalam dialek Kedah.

[20 markah]

3. Bandingkan dan bezakan ciri-ciri kaedah rekonstruksi dalaman dengan rekonstruksi luaran.
[20 markah]

4. Menurut Gorys Keraf (1984) untuk menentukan tanah asal penutur bahasa Austronesia, kita boleh "...memadukan pertimbangan-pertimbangan mengenai situasi geografi masa lampau, sejarah pertumbuhan umat manusia, serta prinsip-prinsip teori migrasi dan teknik leksikostatistik". Jelaskan ketiga-tiga pertimbangan yang dikemukakan dalam pernyataan ini.
[20 markah]

5. Aktiviti pengelompokan bahasa boleh dijalankan menerusi kaedah kualitatif atau kuantitatif. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, kemukakan dan bincangkan ciri-ciri khusus kedua-dua kaedah ini.
[20 markah]

--oo000oo--